



Headline: Guru wanita kena tipu kerugian RM167,952
Publication/Portal: Kosmo
Date: 27 September 2022

Language: Malay
Section: Negara
Page: 16

Guru wanita kena tipu kerugian RM167,952

PONTIAN – Seorang guru wanita kerugian RM167,952 apabila diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Ketua Polis Daerah Pontian, Superintendan Mohammad Shofee Tayib berkata, mangsa berusia 50 tahun itu menerima panggilan telefon daripada suspek pada pertengahan Februari lalu.

Katanya, suspek memberitahu mangsa yang kononnya dia mempunyai tunggakan cukai LHDN sebelum disambungkan kepada seorang lagi suspek yang menyamar pegawai polis.

Menurutnya, 'pegawai polis' itu kemudian memaklumkan mangsa terlibat dengan aktiviti pengubahan wang haram dan suspek menawarkan bantuan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

"Mangsa diminta membuat bayaran ke akaun Mule (akaun

keldai) yang diberikan suspek dan mangsa mula mempercayai dan membuat pembayaran pertama sebanyak RM30,000 kepada suspek pada Februari," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, mangsa juga diminta menyerahkan maklumat perbankan kepada suspek dengan alasan bagi tujuan siasatan.

"Mangsa hanya menyedari ditipu apabila sejumlah wang RM167,952 yang dipindahkan tidak dikembalikan kepadanya," ujar beliau.

Ujarnya, mangsa telah membuat satu laporan polis yang diterima Bahagian Siasatan Jenayah Komersial, Ibu Pejabat Polis Daerah Pontian, di sini Sabtu lalu.

Tambahnya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebatan dan denda.